



كامر كتوا حاكم شرعي محكمه شرعيه نكري ملاك

**KAMAR KETUA HAKIM SYARIE
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA**

KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH,
JALAN AYER KEROH LAMA,
HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH, MELAKA

Tel. Pejabat : 06 - 233 2050
Sambutan : 3501
Fax : 06-2311275
Laman Web : <http://www.mahsyariahmelaka.gov.my>

Rujukan Kami: MSNM 500-5/2 ()

Tarikh : 26hb Febuari 2015

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Sulh,
Tuan/Puan Penolong Pendaftar,
Tuan/Puan Pembantu Hakim,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.1 TAHUN 2015

Permohonan Wali Hakim : Pemohon Bukan Warganegara Malaysia

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Muzakarah Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri Melaka bil.1 tahun 2014 pada 3 hingga 5 November 2014 di Port Dickson, Negeri Sembilan telah bersetuju memutuskan bahawa;

1. Permohonan Wali Hakim oleh Pemohon bukan warganegara Malaysia hendaklah mengemukakan dokumen seperti berikut :
 - i. Pengesahan mastautin / bermukim / anak kariah / permohonan dari Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju' (NCR), dan;
 - ii. Pengesahan kebenaran berkahwin daripada Pejabat Kedutaan Negara asal Pemohon di Malaysia atau pihak berautoriti negara asal Pemohon atau pihak yang menguruskan hal ehwal agama Islam di negara asal Pemohon yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
2. Perintah Permohonan Wali Hakim yang dikeluarkan hanya terpakai untuk perkahwinan dalam Negeri Melaka.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

"SYARIAH ASAS KEADILAN"

"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG , FASA II"

"BERKAT, TEPAT, CEPAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(YAA TUAN MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)

Ketua Hakim Syarie

Mahkamah Syariah Negeri Melaka